



WAKIL Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Gerakan Pembela Ummah, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia dan Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia menunjukkan kenyataan akhbar menolak pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIN FARUJ HASAN

Tindakan perundangan jika diiktiraf - Peguam Muslim

KUALA LUMPUR 16 Julai - Tindakan perundangan adalah antara pertimbangan yang bakal diambil Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) sekiranya desakan supaya kerajaan Pakatan Harapan tidak mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) tidak berhasil.

Timbalan Presiden PPMM, Abdul Rahim Sinwan berkata, langkah memfailkan tuntutan berlandaskan peruntukan undang-undang antara pendekatan boleh diambil kerana cubaan mengiktiraf sijil asing itu, secara dasar dan prinsipnya melanggar sistem pendidikan kebangsaan.

Beliau berkata, Akta Pendidikan 1996 secara jelas menyebut bahawa dasar pendidikan perlu dilaksana

melalui suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.

"Berdasarkan akta ini, di bahagian Preamble menyebut sebarang dasar pendidikan yang dilaksanakan perlu mematuhi ketetapan akta sedia ada.

"Sekiranya kerajaan masih enggan mematuhi, maka ia boleh dibawa ke mahkamah di mana isu berbangkit mempunyai 'precedent case' (kes terdahulu) seperti mana dalam kes Merdeka University Berhad melawan Kerajaan Malaysia pada tahun 1981," katanya dalam sidang akhbar menolak pengiktirafan UEC di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Sekretariat

Gerakan Pembela Ummah, Aminuddin Yahya; Setiausaha Agung Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Syed Hassan Syed Ali dan Setiausaha Agung Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat), Mahmud Hishamuddin Abd. Rashid.

Menurut Abdul Rahim yang juga peguam bagi Ummah, cubaan mengiktiraf UEC juga bertentangan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan sebagai bahasa pengantar utama bagi Malaysia.

Katanya, isu UEC dengan kes Universiti Merdeka mempunyai persamaan apabila bahasa Cina

digunakan sebagai pengantar yang jelas bertentangan dengan perlembagaan.

Sementara itu, Aminuddin berkata, cubaan untuk mengiktiraf UEC bukan sahaja sangat dikesali malah dilihat sebagai usaha halus meminggirkan kepentingan negara.

"Tindakan dan kenyataan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malek tidak konsisten dalam perkara ini, menimbulkan penentangan banyak pihak yang khuatir mengiktiraf UEC akan menggugat prinsip-prinsip asas Rukun Negara dan mengancam perpaduan, budaya dan lain-lain yang berpotensi mengancam kestabilan masyarakat," katanya.

Jadikan kes penolakan Universiti Merdeka sebagai iktibar

KUALA LUMPUR 16 Julai - Kerajaan perlu menjadikan kes penolakan permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka pada tahun 1980 sebagai iktibar dalam menyelesaikan isu berhubung pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC).

Presiden Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PPPPM), Datuk Abdul Raof Hussin berkata, UEC tidak layak untuk diiktiraf sekiranya dirujuk daripada keterangan kes perundangan bersabit kes Merdeka Universiti Bhd. melawan kerajaan Malaysia di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

"Pihak Universiti Merdeka pada waktu itu gagal mencabar kerajaan yang menolak permohonan mereka untuk membuka Universiti Merdeka kerana universiti itu akan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Penubuhan universiti itu jelas bercanggah dengan Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Pada 14 April 1968, persekutuan persatuan-persatuan Cina yang diketuai oleh Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-sekolah Cina Malaysia (Dong

Jiao Zong) meluluskan draf untuk menubuhkan Universiti Merdeka.

Pada 8 Mei 1969, kumpulan ini menubuhkan syarikat Merdeka Universiti Bhd. dan pada 30 Januari 1978 mereka menghantar petisyen kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menuntut penubuhan Universiti Merdeka yang akan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama.

Walau bagaimanapun, pada 17 September 1978, tuntutan kumpulan itu ditolak oleh kerajaan apabila Tun Musa Hitam selaku Menteri Pelajaran pada waktu itu dalam Persidangan Agung UMNO

mengumumkan penolakan tersebut atas alasan antaranya Universiti Merdeka akan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dan penubuhannya bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sementara itu, menurut Abdul Raof, pihaknya menerima baik kenyataan Maszlee semalam bahawa Kementerian Pendidikan akan bersifat komprehensif dan holistik dengan tanpa menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam keputusan yang bakal diambil berhubung pengiktirafan UEC.

Kerajaan mesti tolak sepenuhnya

KUALA LUMPUR 16 Julai - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mendesak kerajaan menolak pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) dan kelayakan sijil itu untuk digunakan bagi permohonan masuk ke universiti awam dan perjawatan awam.

Timbalan Presiden-nya, Datuk Sirajuddin Salleh berkata, pihaknya tetap menolak pengiktirafan terhadap UEC yang jelas mencairkan semangat Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

"Perlu diingatkan bahawa isu UEC telah berlarutan sekian lama dan menimbulkan kemarahan rakyat yang cintakan perpaduan dan kedamaian. Kenyataan Ketua Eksekutif Majlis Pembangunan Pendidikan Islam Malaysia (Mappim) yang menuntut Menteri Pendidikan menolak UEC dalam tempoh tujuh hari hendaklah dipandang serius.

"Masanya sudah tiba untuk kerajaan mengendali isu ini dengan menolak sepenuhnya UEC dan menimbangkan penghar-

man Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong) yang menjadi punca kepada masalah ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Sirajuddin, pengiktirafan UEC yang menggunakan kurikulum negara Taiwan dan menggunakan bahasa Mandarin sepenuhnya dalam pelajaran hanya akan meminggirkan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang telah memperinci tentang fungsi kurikulum dan peperiksaan di bawah Kementerian Pendidikan.

"Pengiktirafan UEC akan memberi mudarat besar kepada negara kerana boleh menghancurkan sistem pendidikan kebangsaan yang dibina dan dibangunkan selama ini. Pengiktirafannya juga akan meminggirkan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan apabila anak-anak Cina tidak lagi dihantar ke sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan, bagaimana pula masa depan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?" katanya.



SIRAJUDDIN SALLEH

Kementerian perlu kawal selia

KANGAR 16 Julai - Konflik pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) mungkin dapat diselesaikan sekiranya ia dikawal selia sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan agar selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr. Rusdi Omar berkata, sekiranya peperiksaan dan sekolah persendirian itu dikawal selia, maka memudahkan kementerian mengiktiraf sijil yang dikeluarkan.

Selain itu, katanya, silibus dalam komponen Bahasa Melayu dan Sejarah di peringkat UEC ini perlu dinilai semula supaya bersesuaian serta sama

dengan pembelajaran dan peperiksaan di sekolah-sekolah kebangsaan.

"Insyallah sekiranya kurikulum atau silibus pendidikan di sekolah persendirian itu selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan atau dasar kementerian, tidak ada masalah lagi untuk kerajaan mengiktiraf sijil UEC ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Rusdi, isu tersebut juga memerlukan perbincangan melibatkan Kementerian Pendidikan dan Lembaga Sekolah-sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zong) seterusnya mencari kata sepakat yang memberi manfaat kepada semua pihak.



RUSDI OMAR